



**SOALAN LAZIM (FAQ)  
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT)  
BILANGAN 2**

---

**DARAT**

- 1. Adakah perkhidmatan kaunter Jabatan/Agensi di bawah MOT (JPJ, APAD, LPKP Sabah dan LPKP Sarawak) beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Semua kaunter perkhidmatan JPJ, APAD, LPKP Sabah dan LPKP Sarawak ditutup sepenuhnya kepada umum bermula 20 Mac 2020 sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Perkhidmatan JPJ di Pejabat Pos juga diberhentikan sepanjang tempoh ini.

Namun begitu, sepanjang tempoh PKP ini, Menteri Pengangkutan telah menggunakan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 66(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dengan memberikan **PENGECUALIAN** kepada semua pemegang lesen memandu daripada **KEPERLUAN MEMPERBAHARUI** lesen memandu masing-masing melalui suatu undang-undang khusus berkuatkuasa pada 25 Mac 2020.

Ini bermakna sesiapa yang mempunyai lesen memandu yang sudah luput masih boleh menggunakan kenderaan masing-masing dengan syarat kenderaan tersebut wajib memiliki perlindungan insurans yang sah dan pemandu dinasihatkan supaya membawa salinan sijil perlindungan atau *e-cover note* insurans ketika memandu sepanjang tempoh PKP ini.

Para pemegang lesen perlu memperbaharui lesen masing-masing dalam tempoh 30 hari selepas PKP diisytiharkan berakhir.

Sekali lagi ditingatkan, seperti ketetapan undang-undang, **semua pemilik kenderaan perdagangan dan pemilik kenderaan persendirian hendaklah memastikan kenderaan mereka**

**mempunyai perlindungan insurans yang sah sepanjang tempoh PKP ini.**

**2. Adakah aktiviti belajar memandu dan ujian memandu di Institut Memandu masih diteruskan sepanjang tempoh ini?**

Sebarang aktiviti dan semua kursus, ceramah Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP), latihan memandu, ujian teori dan amali memandu di Institut Memandu dan ujian Bahagian 1 (KPP01 – teori) di Pusat eKhidmat (MyEG, KOMMS dan MYSPEED) ditangguhkan berkuatkuasa 18 Mac 2020 sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Sebarang maklumat terkini berkenaan MYEG akan paparkan di laman sesawang <https://www.myeg.com.my/>.

**3. Adakah aktiviti penguatkuasaan oleh JPJ akan diteruskan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Operasi penguatkuasaan akan terus berjalan seperti biasa demi menjamin tahap keselamatan orang ramai yang menggunakan jalan raya. Pihak JPJ akan memastikan semua anggota yang melaksanakan aktiviti penguatkuasaan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan yang bersesuaian.

**4. Adakah aktiviti pemeriksaan berkala yang diwajibkan ke atas kenderaan perdagangan dan pemeriksaan kenderaan secara sukarela kepada kenderaan persendirian masih diteruskan di premis-premis PUSPAKOM sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Operasi Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM seluruh Malaysia termasuk Ibu Pejabat, perkhidmatan bergerak dan tapak lawatan ditutup sepenuhnya mulai 20 Mac 2020 sehingga tarikh yang akan diumumkan kelak selaras dengan penutupan operasi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seluruh negara. Pelanggan yang telah membuat temujanji melalui My PUSPAKOM akan mendapat pemulangan bayaran penuh secara automatik.

Isu berhubung keperluan untuk mendapatkan kelulusan daripada PUSPAKOM bagi pemandu kenderaan perdagangan untuk memperbaharui *Competent Driver's License (GDL)* serta laporan kesihatan yang sah seperti yang diperlukan dalam syarat-syarat permohonan pembaharuan lesen kenderaan komersial tidak lagi

berbangkit berkuatkuasa 25 Mac 2020 apabila keperluan untuk memperbaharui lesen tersebut telah DIKECUALIKAN sepanjang tempoh PKP ini. Namun begitu, para pemilik kenderaan perdagangan perlu memperbaharui LKM masing-masing dan adalah tertakluk kepada keperluan dokumen kelulusan berkenaan dalam tempoh 30 hari selepas PKP berakhir.

**5. Adakah proses permohonan Lesen Perdagangan Kenderaan Motor (LPKM) masih boleh dibuat di kaunter perkhidmatan PUSPAKOM dalam tempoh ini?**

Perkhidmatan permohonan Lesen Perdagangan Kenderaan Motor (LPKM) di kaunter perkhidmatan PUSPAKOM adalah ditutup mulai 20 Mac 2020 sehingga tarikh yang akan diumumkan kelak.

**6. Adakah perkhidmatan bas, teksi dan *ehailing* (grab, MyCar dll.) masih boleh beroperasi sepanjang tempoh ini?**

Selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan (Pertahanan) pada 23 Mac 2020, semua mod pengangkutan awam di seluruh negara hanya akan dibenarkan beroperasi dari jam 6 pagi hingga jam 10.00 pagi dan jam 5.00 petang hingga jam 10.00 malam sahaja setiap hari berkuatkuasa pada 25 Mac 2020 sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Dengan itu, bas henti-henti, bas percuma seperti GoKL dan Smart Selangor serta semua feeder bus akan tertakluk kepada arahan ini. Bagaimanapun, perkhidmatan teksi dan e-hailing masih boleh meneruskan operasi seperti biasa megikut garis panduan yang telah ditetapkan sebelum ini.

**7. Sekiranya perkhidmatan bas, teksi dan *ehailing* dapat diteruskan, adakah pengendali dan pengguna perlu mendapatkan kebenaran keluar daerah sekiranya perkhidmatan tersebut melibatkan rentas negeri seperti Kuala Lumpur – Selangor dan lain-lain negeri?**

Perkara ini adalah tertakluk kepada arahan daripada PDRM.

**8. Adakah saringan suhu badan dijalankan di terminal-terminal pengangkutan awam bagi memastikan pengguna pengangkutan awam berada dalam keadaan yang baik?**

Pengendali terminal pengangkutan awam perlu memastikan semua penumpang menjalani pemeriksaan imbasan suhu badan sebelum memasuki balai pelepasan dan pintu masuk dan keluar utama.

- 9. Sekiranya pengguna tidak melepasi saringan suhu badan, adakah pengguna tersebut dibenarkan untuk menaiki pengangkutan awam?**

Penumpang yang tidak melepasi ujian saringan suhu badan tidak dibenarkan untuk menaiki pengangkutan awam.

- 10. Adakah kemudahan *hand sanitizer* disediakan di setiap pengangkutan awam?**

Kerajaan telah menyarankan agar pihak pengendali pengangkutan awam memastikan keperluan kebersihan dititikberatkan dengan mengambilkira aspek penyediaan *hand sanitizer* di mana pengguna boleh mendapatkan kemudahan tersebut di setiap kaunter pembelian tiket dan/atau pintu masuk dan keluar utama di terminal.

- 11. Berapa kerap pengendali pengangkutan awam membuat proses sanitasi ke atas kenderaan pengangkutan awam?**

Pengendali pengangkutan awam dikehendaki menjalankan proses pembersihan dan nyahkuman/disinfeksi dengan kerap di kawasan yang selalu disentuh seperti pintu, kerusi dan tempat pemegang dan mana-mana tempat yang selalu di sentuh.

- 12. Adakah terdapat larangan pergerakan kenderaan barangan di jalan raya?**

Merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempat Jangkitan) 2020 berkuatkuasa mulai 18 hingga 31 Mac 2020 yang telah diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), tiada peruntukan berhubung larangan pemanduan kenderaan barangan di jalan raya dalam tempoh tersebut.

Sehubungan itu, JPJ tidak menguatkuasakan sebarang perintah larangan ke atas pergerakan kenderaan barangan dalam tempoh tersebut. Ini kerana JPJ berpandangan bahawa pergerakan kenderaan barangan di atas jalan raya bagi pengangkutan barangan keperluan harian adalah termasuk di dalam perkhidmatan perlu sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual Perkhidmatan Perlu Peraturan 2.

Namun begitu, larangan pergerakan pengangkutan barangan adalah tertakluk kepada arahan PDRM sewaktu PKP

- 13. Adakah MOT akan mengeluarkan pemakluman berkenaan dengan jenis muatan barang yang dibenarkan kepada pengusaha lori dan logistik sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa pada 18 Mac 2020 bagi mencegah penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah memaklumkan bahawa pengurusan COVID-19 adalah di bawah MKN sepenuhnya. Justeru, sebarang pemakluman akan dikeluarkan oleh MKN sahaja. Namun begitu, orang ramai disarankan untuk mengikuti secara dekat soalan lazim (FAQ) di laman web rasmi dan saluran Telegram rasmi MKN untuk maklumat tepat.

- 14. Apakah status pengoperasian *e-fulfillment hubs/warehousing operations* dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Kerajaan tiada halangan bagi pengoperasian *e-fulfillment hubs/warehousing operations*. Ini kerana, *e-fulfillment hubs/warehousing operations* tidak tertakluk di bawah Perintah Sekatan Pergerakan seperti yang digariskan dalam Warta Kerajaan Persekutuan Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020. Pihak industri diminta mengikut saranan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membendung penularan COVID-19.

- 15. Adakah pengoperasian *forwarding agent* dan *shipping agent* di pelabuhan beroperasi dalam tempoh ini?**

Operasi pelabuhan akan berjalan seperti biasa. Oleh itu, pengoperasian *forwarding agent* dan *shipping agent* juga akan berjalan seperti biasa di pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Ini selaras dengan Perintah Sekatan Pergerakan seperti yang digariskan dalam Warta Kerajaan Persekutuan Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020.

- 16. Adakah pergerakan kargo rentas sempadan melalui jalan darat di pintu masuk utama Malaysia (import, eksport dan *transshipment*) dibenarkan dalam tempoh ini?**

Tertakluk kepada arahan semasa MKN.

- 17. Apakah status pergerakan barangan termasuk pemandu dan kelindan secara harian yang menghantar dagangan rentas sempadan ke Singapura?**

Tertakluk kepada arahan semasa MKN.

- 18. Adakah rakyat layak mendapat semula bayaran tiket bas yang telah dibuat?**

Segala tuntutan berkaitan dengan tiket bas perlu dirujuk dengan syarikat yang mengeluarkan tiket tersebut.

- 19. Adakah Perintah Kawalan pergerakan ini memberi kesan kepada operasi *Electric Train Service (ETS)* dan KTM Komuter?**

Perkhidmatan ETS dan Komuter akan beroperasi dari jam 6 pagi hingga jam 10.00 pagi dan jam 5.00 petang hingga jam 10.00 malam sahaja setiap hari berkuatkuasa pada 25 Mac 2020 sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

- 20. Adakah semua perkhidmatan rel oleh Prasarana masih beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Semua perkhidmatan tren dan bas kendalian Prasarana seperti LRT, MRT dan Monorel KL akan beroperasi dari jam 6 pagi hingga jam 10.00 pagi dan jam 5.00 petang hingga jam 10.00 malam sahaja setiap hari berkuatkuasa pada 25 Mac 2020 sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan

- 21. Apakah langkah pencegahan yang dilaksanakan di stesen dan tren kendalian Prasarana?**

Pihak Prasarana telah menyediakan *hand sanitizer* di setiap kaunter khidmat pelanggan, di kawasan berbayar (*concourse*) dan platform di setiap stesen LRT, MRT dan Monorel. Prasarana juga telah meningkatkan kekerapan mencuci eskalator, pemegang tangan, lif dan mesin pembelian token di semua stesen.

**22. Berapa kerapkah Prasarana membuat proses sanitasi ke atas tren?**

Semua set tren akan dicuci setiap hari di luar waktu puncak untuk semua laluan LRT/ MRT dan Monorel. Pembersihan dalaman tren juga dilakukan di setiap stesen terminal/stesen terakhir pada waktu puncak (pagi dan petang) oleh kakitangan pembersihan.

**23. Apakah langkah pencegahan yang dijalankan oleh Prasarana untuk kakitangan barisan hadapan?**

Semua kakitangan stesen (pegawai khidmat pelanggan, polis bantuan dan kakitangan pembersihan harus memakai topeng muka dan sarung tangan getah (mengikut keperluan). Setiap kakitangan juga diwajibkan untuk memeriksa suhu badan sebelum memulakan tugas setiap hari.

**24. Adakah semua perkhidmatan rel oleh ERL masih beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Semua perkhidmatan tren KLIA Ekspres dan KLIA Transit akan beroperasi akan beroperasi dari jam 6 pagi hingga jam 10.00 pagi dan jam 5.00 petang hingga jam 10.00 malam sahaja setiap hari berkuatkuasa pada 25 Mac 2020 sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

**25. Apakah langkah pencegahan yang dilaksanakan di stesen dan tren ERL?**

Pihak ERL akan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- Menyedia bahan penyah kuman (*hand sanitizer*) di setiap kaunter tiket;
- Meningkatkan kekerapan mencuci dan menyahjangkit (*disinfect*) semua permukaan dan susuir tangan termasuk eskalator, tangga, lif , kaunter tiket dan mesin pembelian tiket di semua stesen. Topeng muka juga akan ditawarkan kepada pengguna yang dilihat mempunyai simptom; dan
- Menyahjangkit (*disinfect*) permukaan dan pemegang tangan dalam tren serta melakukan pembersihan stim tempat duduk (*steam cleaning*) setiap malam.

**26. Apakah langkah pencegahan yang dijalankan oleh pihak ERL untuk kakitangan barisan hadapan?**

Di antara langkah pencegahan yang dijalankan untuk kakitangan barisan hadapan adalah seperti berikut:

- Semua kakitangan bahagian hadapan (*frontline*) memakai topeng muka dan dibekalkan dengan bahan penyah kuman (*hand sanitizer*);
- Bacaan suhu badan pekerja diambil pada setiap hari sebelum memulakan tugas; dan
- Semua kakitangan diingatkan untuk sentiasa mengamalkan penjarakkan sosial (*social distancing*) demi mengelakkan jangkitan Covid-19.

**UDARA**

**27. Adakah operasi syarikat penerbangan jet peribadi (*non-revenue private flight/business flight*) yang melibatkan kemasukan warganegara asing dan pengeluaran warganegara Malaysia dibenarkan bagi operasi penerbangan ini ?**

Operasi syarikat penerbangan jet peribadi boleh diteruskan. Walau bagaimanapun, kemasukan warganegara asing dan perjalanan keluar warganegara Malaysia adalah tertakluk kepada syarat sekatan kemasukan warganegara asing dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

**28. Adakah lapangan terbang masih beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Ya, Perintah Kawalan Pergerakan telah mengkategorikan lapangan terbang sebagai perkhidmatan penting negara.

**29. Adakah premis-premis perniagaan, perkhidmatan dan premis makanan di lapangan terbang dibuka sepanjang tempoh penguatkuasaan ini?**

Perintah Kawalan pergerakan telah menggariskan hanya farmasi, pasar raya dan kedai serbaneka yang menjual barang keperluan dibenarkan untuk beroperasi di lapangan terbang. Pelanggan tidak



dibenarkan untuk makan di premis dan hanya dibenarkan untuk membungkus makanan.

**30. Adakah terdapat pengangkutan awam untuk saya ke atau pulang dari lapangan terbang?**

Ya, Perintah Kawalan Pergerakan telah menggariskan pengangkutan awam sebagai perkhidmatan penting untuk kegunaan orang awam. Bagaimanapun, kekarapan operasi mungkin dikurangkan. Sila rujuk jadual terkini dengan syarikat-syaikat yang menyediakan perkhidmatan berkenaan.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA  
26 MAC 2020**